

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
PUSAT KECEMERLANGAN
KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR
(CREaTE)



GARIS PANDUAN PROGRAM JEJAK INOVASI JKR 2017

BAHAGIAN INOVASI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KEJURUTERAAN • PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE) •
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA • 2017

PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan menggariskan tatacara permohonan bagi Program Jejak Inovasi JKR 2017 (JIJ). Mula dilancarkan pada tahun 2013, Program Jejak Inovasi JKR Malaysia kini diteruskan lagi pada tahun 2017. IJ merupakan satu program bagi menjejak inovasi JKR Malaysia di peringkat Daerah, Negeri, Cawangan, Unit Khas (hingga ke akar umbi) bertujuan untuk mencungkil daya inovasi dan kreativiti di kalangan kakitangan JKR Malaysia.

Program IJ merupakan '**pintu masuk**' (*gateway*) kepada semua acara inovasi Jabatan dan Kementerian serta acara-acara inovasi dalam dan luar Negara di mana **bermula dari tahun 2014, semua pencalonan kepada Anugerah Inovasi JKR akan dipilih daripada penyertaan Program Jejak Inovasi JKR (JIJ)**. Secara keseluruhan, penjejakan dan penemuan inovasi di dalam program ini merupakan langkah awal kepada pembangunan inovasi JKR.

Program ini melibatkan **7 langkah utama** seperti berikut:

1. Penjejakan
2. Penemuan
3. Penilaian
4. Pengesahan
5. Pengiktirafan
6. Pendokumentasian
7. Pengkomersialan

DEFINISI INOVASI

Inovasi adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti JKR Malaysia. Hasil inovasi ini boleh merangkumi apa-apa perubahan kepada sistem, prosedur, kaedah dan/atau cara bekerja, berbentuk produk atau perkhidmatan.

Pelaksanaan idea-idea ini akhirnya dapat digunakan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan serta memberi faedah kepada Jabatan dan pelanggan JKR.

KATEGORI INOVASI

Dua kategori inovasi adalah seperti berikut:

i. Inovasi Produk (Bukan Berunsur Teknologi Maklumat)

Inovasi berbentuk produk fizikal merupakan sesuatu barangan fizikal yang dihasilkan oleh manusia, mesin, proses semulajadi yang boleh digunakan (memberi manfaat) atau dijual. Inovasi produk merujuk kepada pengenalan sesuatu produk baru atau pembaharuan/penambahbaikan produk sedia ada ke atas ciri-ciri penggunaannya. Ini termasuklah pembaikan yang signifikan dari aspek teknikal, spesifikasi bahan/komponen, mesra pengguna atau ciri-ciri fungsi yang lain.

ii. Inovasi Perkhidmatan (Berunsur Teknologi Maklumat)

Inovasi berbentuk perkhidmatan merupakan sesuatu sistem penyampaian secara langsung daripada seseorang/sekumpulan/sesebuah organisasi kepada pelanggan. Melibatkan proses interaksi dengan pihak lain sama ada melalui unsur teknologi atau lain-lain yang mana pada akhirnya memberi kepuasan dan memenuhi keperluan pelanggan. Inovasi perkhidmatan merujuk kepada konsep atau pelaksanaan perkhidmatan baru atau pembaharuan kepada amalan sedia ada. Sebuah inovasi perkhidmatan selalu merangkumi unsur menanda aras (benchmark) amalan-amalan terbaik yang boleh dikenalpasti dan diaplikasikan dalam persekitaran organisasi masing-masing dengan penyesuaian mengikut keperluan Jabatan.

OBJEKTIF PROGRAM

1. Menyokong usaha Kerajaan Malaysia dalam membudayakan inovasi dan kreativiti dalam Jabatan serta menepati tema pelan strategik JKR (TEMA 5);
2. Menilai hasil-hasil inovasi JKR Malaysia dan seterusnya mengenalpasti inovasi yang berpotensi untuk dibangunkan/dikomersilkan;
3. Mengukuhkan usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti di kalangan kakitangan JKR Malaysia;
4. Menjadi pemacu kecemerlangan dan kegemilangan JKR Malaysia di kelas dunia.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan JKR, secara individu atau berkumpulan bagi semua peringkat di Cawangan/ Negeri/ W.P/ Daerah/ Unit Khas atau kumpulan/individu yang berkhidmat di JKR dan telah berjaya merekacipta sesuatu inovasi.
2. Projek inovasi yang dihasilkan hendaklah tidak pernah dipertandingkan di Peringkat JKR Malaysia atau mana-mana acara inovasi **KECUALI** inovasi telah ditambah baik atau diubahsuai.
3. Bagi penyertaan berkumpulan, bilangan ahli kumpulan adalah dihadkan kepada **10 orang sahaja**. Penyertaan individu juga adalah digalakkan.
4. Dua kategori inovasi yang dipertandingkan adalah berbentuk perkhidmatan (berunsur teknologi maklumat) dan produk (tidak berunsur teknologi maklumat).
5. Projek inovasi boleh merangkumi produk fizikal, sistem, prosedur, kaedah atau cara bekerja dan pengenalan teknologi serta hendaklah menyentuh salah satu daripada aspek teknologi seperti berikut :
 - i. Sesuatu idea baru atau penambahbaikan kepada sesuatu sistem untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keluaran sesebuah organisasi.
 - ii. Penciptaan peralatan yang boleh mempercepatkan sesuatu proses kerja.
 - iii. Pengubahsuaian kepada sistem, kaedah dan proses kerja.
 - iv. Penghasilan perkhidmatan baru yang memberi manfaat kepada orang ramai.
 - v. Penambahan ciri-ciri baru kepada perkhidmatan/peralatan sedia ada, yang boleh mempertingkatkan lagi tahap kepuasan pelanggan.

6. Status inovasi yang dihasilkan mestilah berada di dalam Peringkat Pembangunan atau Produk Siap sahaja semasa penyertaan dibuat.
7. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti jabatan.
8. Bilangan penyertaan yang hendak dikemukakan adalah tidak terhad.
9. Semua penyertaan hendaklah menggunakan Borang Penyertaan Program Jejak Inovasi JKR Malaysia seperti di **Lampiran 1**.
10. Pemohon hendaklah menggunakan satu borang bagi satu inovasi.
11. Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada Bahagian Inovasi, Penyelidikan Dan Pembangunan Kejuruteraan (BIPPK) , Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) melalui Ketua Program Penyelidikan dan Inovasi Cawangan/ Bahagian atau Negeri (KPPiC/KPPiB/KPPiN) dan Ketua Jabatan masing- masing.
12. Semua dokumen yang dihantar adalah **SULIT**.
13. Tarikh akhir mengemukakan penyertaan kepada BIPPK adalah pada **31 Mei 2017**.
14. Kegagalan mengisi borang penyertaan dengan betul serta kegagalan mematuhi syarat-syarat penyertaan boleh menyebabkan permohonan tidak diproses oleh BIPPK.
15. Semua urusan Perlindungan Harta Intelekt (Paten/ Hakcipta/Cap Dagangan) akan diuruskan oleh BIPPK bagi semua inovasi yang dikemukakan.
16. Pihak urusetia akan membuat penilaian dan menyenarai pendekkan penyertaan untuk ke peringkat seterusnya.
17. Keputusan Panel Penilai yang dilantik oleh BIPPK adalah muktamad.

KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria penilaian dan pembahagian markah yang digunakan semasa sesi penilaian JIJ adalah seperti berikut:

| BIL | TUMPUAN PENILAIAN | KRITERIA PENILAIAN | JUMLAN MARKAH PENUH |
|---------------------------|--|--|---------------------------|
| 1 | IDEA | 1. Ketulenan (Originality) ATAU | 25 |
| | | 2. Adaptasi | |
| 2 | PRAKTIKAL & KEBOLEHGUNAAN (PRACTICALITY & USEFULNESS) | 1. Berfungsi (Functional) | 20 |
| | | 2. Mudah guna | |
| | | 3. Mudah senggara (Easy maintenance) | |
| | | 4. Efisien – kos & masa, produktiviti | |
| | | 5. Nilai tambah (Value added) | |
| 3 | IMPAK | 1. Best Solution | 15 |
| | | a. Keberkesanan (Effectiveness) | |
| | | b. Penyelesai masalah (Problem solving) | |
| | | c. Value for money | 15 |
| | | 2. Signifikan | |
| | | a. Individu (Self) | |
| | | b. Organisasi | |
| c. Komuniti | | | |
| d. Negara | | | |
| e. Global | | | |
| 4 | PENGGOMERSIALAN | 1. Kebolehpasaran (Market potential) 2. Berdaya saing (Competitiveness) 3. Scaleable - Affordability | 20 |
| 5 | KELESTARIAN (SUSTAINABILITY) | 1. Ketahananlasakan (Robustness) | 5 |
| | | a. Technology changes | |
| | | b. Environmental friendly | |
| | | c. Economic changes | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 100 |

TATACARA PENYERTAAN

Semua borang penyertaan hendaklah dikemukakan bersama **laporan lengkap** seperti di **Lampiran 2** sebanyak **3 salinan berwarna dan 5 salinan hitam putih di dalam Bahasa Melayu** dan dihantar ke alamat berikut:

Ketua
Unit Inovasi Kejuruteraan
Bahagian Inovasi, Penyelidikan Dan Pembangunan Kejuruteraan,
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
Jalan Kemus, Simpang Ampat
78000 Alor Gajah
Melaka
(u.p: Mohamed Zhaidi Bin Baharin)
No. Telefon: 06-5512232 samb (1032)
Emel: MZhaidi.jkr@1govuc.gov.my

Tarikh tutup penyertaan: 31 Mei 2017



**PROGRAM JEJAK INOVASI JKR MALAYSIA TAHUN 2017
BORANG PENYERTAAN**



Arahan: * Tandakan \surd pada yang berkenaan

MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama Individu/ Kumpulan :
2. Nama Ketua Kumpulan :
(sekiranya berkumpulan)
3. Jawatan/Gred :
(Individu/ Ketua Kumpulan)
4. Alamat Pejabat :
5. No. Telefon : (P) (H/P)
6. No. Fax :
7. Emel :
8. Nama Ahli Kumpulan :

| Bil. | Nama Ahli Kumpulan | Gred | No. H/P |
|------|--------------------|------|---------|
| 1 | | | |
| 2 | | | |
| 3 | | | |
| 4 | | | |

❖ Sila sertakan lampiran jika ruang yang diberikan terhad

MAKLUMAT JABATAN

1. Nama Ketua Jabatan :
2. Alamat Pejabat :
3. No. Telefon : (P)
4. No. Fax :
5. Nama Ketua Program Penyelidikan Cawangan/Bahagian/Negeri (KPPIC/KPPIB/KPPIN) :

MAKLUMAT INOVASI

1. Tajuk Inovasi :
2. Deskripsi Inovasi :
- ❖ Sila sertakan lampiran jika ruang yang diberikan terhad
3. * Kategori Inovasi : Perkhidmatan (Berunsur Teknologi Maklumat)
 Produk (Bukan Berunsur Teknologi Maklumat)
4. Tahun penghasilan produk inovasi :
5. * Status Inovasi : Peringkat Pembangunan
 Siap
6. * Status Penggunaan Inovasi : < 1 tahun
 1 – 3 tahun (Sila nyatakan:tahun)
 > 3 tahun (Sila nyatakan:tahun)
7. Adakah anda memerlukan dana bagi pembangunan produk? Tidak/Ya * potong yang tidak berkenaan
8. Jika ya, berapakah anggaran kos yang diperlukan : RM _____

KEBENARAN MENGGUNAKAN IDEA /MAKLUMAT PRODUK INOVASI

- Pihak BIPPK boleh menggunakan maklumat untuk tujuan pembangunan dan pengkomersialan produk inovasi.
- Pihak BIPPK dibenar untuk menggunakan maklumat/produk inovasi untuk tujuan promosi dan terbitan selepas pendaftaran IP

PERAKUAN KETULENAN IDEA OLEH KETUA JABATAN

Jabatan ini mengakui bahawa idea inovasi ini adalah tulen dan tidak diambil dari mana-mana sumber.

.....
Ketua Perekacipta
()
Tarikh :

Disahkan oleh :

.....
KPPiC/KPPiB/KPPiN
()
Cop :

.....
Ketua Jabatan
()
Cop:

Tarikh :

Tarikh :

Borang penyertaan dan laporan projek inovasi (**3 salinan berwarna dan 5 salinan hitam putih**) hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Ketua
Unit Inovasi Kejuruteraan
Bahagian Inovasi, Penyelidikan Dan Pembangunan Kejuruteraan,
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
Jalan Kemus, Simpang Ampat
78000 Alor Gajah
Melaka

(u.p: Mohamed Zhaidi Bin Baharin)

No. Telefon: 06-5512232 samb (1032)

Emel: MZhaidi.jkr@1govuc.gov.my

Tarikh tutup penyertaan: 31 Mei 2017

FORMAT LAPORAN INOVASI

Laporan inovasi yang lengkap tidak melebihi 15 mukasurat hendaklah dikemukakan sebanyak 3 salinan berwarna dan 5 salinan hitam putih dalam Bahasa Melayu dan mengandungi perkara-perkara berikut :

1. PENGENALAN**- Pengenalan ringkas mengenai individu/kumpulan/Bahagian/Unit**

Penerangan ringkas mengenai latar belakang individu/kumpulan/Bahagian/Unit yang menghasilkan inovasi.

- Pengenalan mengenai inovasi

Penerangan mengenai projek inovasi yang dihasilkan, pernyataan masalah, ciri-ciri, objektif, tempoh pelaksanaan, lokasi pelaksanaan inovasi dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

2. PERBANDINGAN SEBELUM DAN SELEPAS INOVASI DIHASILKAN

- Perbandingan mengenai kaedah/sistem yang digunakan, masalah-masalah yang dihadapi dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.
- Impak kepada kerja semasa.

3. BAGAIMANA INOVASI MENEPATI KRITERIA PENILAIAN

Penerangan terperinci mengenai setiap kriteria penilaian Jejak Inovasi JKR iaitu:

Ketulenan Idea, Praktikal & Kebolehgunaan, Impak, Pengkomersialan dan Kelestarian. (Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas)

4. KESIMPULAN

Rumusan terhadap inovasi yang dihasilkan.

- Laporan inovasi ini juga perlu disertakan dengan manual operasi projek (bagi inovasi yang melibatkan penggunaan mesin, alatan dan perisian)
- Laporan hendaklah disertakan satu perakuan idea tulen dan juga satu salinan surat pengiktirafan daripada Pengurusan Atasan.